

Terma dan Syarat DuitNow QR melalui AmOnline

1. PENGENALAN

Terma dan syarat ini akan mentadbir penggunaan DuitNow QR oleh anda yang disediakan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan aplikasi mudah alih AmOnline Bank dan harus dibaca bersama dengan:

- a) Terma dan Syarat Umum bagi Akaun dan Perkhidmatan; <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/TCAccountsAndServicesEng.pdf>
- b) Terma dan Syarat bagi DuitNow; <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/DuitNowTnC.pdf>
- c) Terma dan Syarat bagi Pangkalan Data Pengalamatan Nasional; dan <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/NADTnCEng.pdf>

apa-apa terma dan syarat lain yang berkaitan dengan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank.

Pelanggan dikehendaki membaca dan memahami terma dan syarat yang terdapat di sini. Sekiranya Pelanggan dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini memilih untuk meneruskan setelah membaca dan memahami terma dan syarat, maka akan dianggap bahawa Pelanggan dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini telah secara jelas menerima dan bersetuju:

- a) untuk terikat dengan terma dan syarat di sini;
- b) bahawa penggunaan DuitNow QR adalah atas risiko mereka sendiri dan akan mereka akan menanggung semua risiko sampingan atau risiko yang timbul daripada penggunaan perkhidmatan DuitNow QR ini; dan
- c) menyetujui pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan (yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada maklumat perhubungan) oleh Bank kepada gabungan, penyedia perkhidmatan dan Pengendali NAD jika diperlukan dan dianggap perlu untuk tujuan melaksanakan dan melepaskan perkhidmatan DuitNow QR.

Sekiranya Pelanggan atau mana-mana pihak berkaitan di sini memilih untuk TIDAK menerima terma dan syarat ini atau mana-mana semakan terma dan syarat, Pelanggan tidak akan meneruskan dan boleh menghentikan akses dan/atau penggunaan DuitNow QR mereka dengan serta-merta.

2. DEFINISI

“**Kod Akses**” merujuk kepada Nama Pengguna, Kata Laluan, Nombor Pengenal Peribadi (PIN) dan/atau maklumat pengesahan sulit lain yang diperlukan untuk mengakses dan/atau menggunakan DuitNow QR sama ada dalam bentuk perkataan, kod, nombor, kumpulan aksara atau input biologi dan/atau bentuk atau kombinasi lain, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

“**Akaun**” merujuk kepada akaun semasa dan/atau simpanan/-i Pelanggan dengan Bank.

Terma dan Syarat DuitNow QR melalui AmOnline

“**AmOnline**” merujuk kepada perkhidmatan perbankan dalam talian AmBank Group yang disediakan oleh Bank untuk Pelanggan.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan/atau AmBank Islamic Berhad [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Benefisiari**” termasuk tetapi tidak terhad kepada individu, syarikat dan/atau perkongsian:

- a) yang mempunyai akaun bersama dengan mana-mana Peserta;
- b) yang mempunyai ID DuitNow QR; dan

telah mendaftar untuk menjalankan urusan niaga melalui DuitNow QR dan urusan niaga tersebut merangkumi tetapi tidak terhad kepada Pemindahan dana antara individu melalui DuitNow QR.

“**Pengesahan Biometrik**” merujuk kepada proses pengesahan identiti pengguna yang melibatkan input biologi atau pengimbasan atau analisis beberapa bahagian badan yang meliputi tetapi tidak terhad kepada Pengimbasan Cap Jari (juga dikenali sebagai Quick Touch), ID Wajah dan ID Suara.

“**Hari Perniagaan**” bermaksud setiap hari kalendar dari hari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum dan cuti umum mengikut negeri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“**Juruwang**” merujuk kepada individu yang diberi kuasa oleh Saudagar untuk menjana Kod QR dan menerima Pembayaran DuitNow QR daripada Pelanggan bagi pihak Saudagar. Pembayaran yang diterima melalui DuitNow QR akan masuk ke dalam Akaun Saudagar.

“**Pemindahan Kredit**” merujuk kepada perintah daripada Pelanggan dan/atau Benefisiari untuk mendebitkan Akaun Pelanggan dan/atau Akaun Benefisiari serta membantu pemindahan kredit kepada Penerima.

“**Pelanggan**” merujuk kepada Benefisiari yang mempunyai Akaun dengan Bank yang:

- a) membuat Pembayaran DuitNow QR kepada Saudagar untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan; dan/atau
- b) menjalankan transaksi dengan mana-mana Benefisiari melalui DuitNow QR dan urusan niaga tersebut merangkumi tetapi tidak terhad kepada Pemindahan dana antara individu melalui DuitNow QR.

“**DuitNow QR**” merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Bank yang membolehkan pengguna AmOnline melakukan pembayaran kepada Saudagar untuk barangan dan perkhidmatan yang diperolehi dan/atau dibeli, dan/atau melakukan pemindahan kepada Benefisiari dengan menggunakan Kod QR dua dimensi unik yang dijana oleh Benefisiari. Perkhidmatan ini tersedia melalui aplikasi mudah alih AmOnline.

“**Pembayaran DuitNow QR**” merujuk kepada bayaran yang dibuat oleh Pelanggan ke Akaun Saudagar menggunakan DuitNow QR. Pelanggan membuat bayaran dengan mengimbas Kod QR Saudagar menggunakan AmOnline.

“**e-Wang**” bermaksud instrumen pembayaran yang mengandungi nilai wang yang dibayar terlebih dahulu oleh pengguna (iaitu Pelanggan dan/atau Penerima) kepada Pengeluar e-Wang.

“**Akaun e-Wang**” bermaksud akaun yang menyimpan dana secara elektronik sebagai pertukaran bagi dana yang dibayar kepada pengeluar e-wang dan dapat digunakan sebagai

Terma dan Syarat DuitNow QR melalui AmOnline

kaedah pembayaran kepada mana-mana individu lain selain daripada pengeluar e-wang.

“**Pengeluar e-Wang**” bermaksud penyedia perkhidmatan yang menyediakan kemudahan e-Wang.

“**Saudagar**” termasuk tetapi tidak terhad kepada individu, syarikat dan/atau perkongsian yang didaftarkan dengan Peserta untuk menjadi Saudagar DuitNow QR dan menerima Pembayaran DuitNow QR untuk barangan dan perkhidmatan daripada Pelanggan melalui DuitNow QR.

“**Peranti Mudah Alih**” merujuk telefon bimbit atau peranti komunikasi lain yang digunakan untuk mengakses DuitNow QR dan/atau aplikasi mudah alih AmOnline.

“**Pangkalan Data Pengalamatan Nasional**” atau “**NAD**” bermaksud simpanan pusat bagi alamat yang ditubuhkan oleh Pengendali NAD yang menghubungkan bank atau Akaun e-Wang ke ID DuitNow penerima; dan memudahkan pembayaran yang dibuat kepada penerima dengan merujuk ID DuitNow penerima.

“**Pengedali NAD**” bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd (“**PayNet**”).

“**Pembekal Perkhidmatan Rangkaian**” merujuk mana-mana penyedia perkhidmatan Internet yang menyediakan sambungan ke Internet.

“**Peserta**” merujuk kepada institusi (kewangan atau bukan kewangan) yang telah mendapat persetujuan daripada PayNet untuk mengakses dan membenarkan penjelasan dan penyelesaian transaksi DuitNow QR menggunakan aplikasi perbankan mudah alih atau e-Wang.

“**Kata Laluan**” merujuk kepada kata laluan untuk mengakses AmOnline dan perkhidmatan aplikasi mudah alih AmOnline.

“**Pemindahan dana antara individu**” merujuk kepada pemindahan wang elektronik yang dilakukan menggunakan DuitNow QR daripada seorang individu kepada individu lain.

“**Kod QR**” merujuk Kod *Quick Response*, sejenis kod bar matriks atau kod bar dua dimensi yang mengandungi maklumat mengenai item yang dilampirkan. Terdapat dua jenis kod QR iaitu Kod QR Statik dan/atau Kod QR Dinamik:

- a) “**Kod QR Statik**” merujuk kepada kod yang tetap dan tidak dapat diubah yang dihasilkan oleh Saudagar atau Penerima yang HANYA mempunyai butiran akaun Saudagar atau Penerima yang terkandung dalam kod tersebut. Kod QR Statik boleh diimbas berulang kali.

Pengguna Mudah Alih AmOnline atau Pelanggan diminta memasukkan jumlah pembayaran atau Pemindahan Kredit semasa membuat Pembayaran QR menggunakan Kod QR Statik.

- b) “**Kod QR Dinamik**” merujuk kepada kod yang tetap dan dapat diubah yang dihasilkan oleh Pengguna Mudah Alih AmOnline atau Pelanggan yang mempunyai butiran akaun Pengguna Mudah Alih AmOnline atau Pelanggan yang terkandung dalam kod tersebut. Kod QR dinamik hanya dapat diimbas sekali. Saudagar atau Penerima perlu memasukkan amaun semasa membuat Pembayaran DuitNow QR menggunakan Kod QR Dinamik.

“**Promosi QR**” merujuk kepada promosi yang dibuat oleh Bank dan/atau Saudagar untuk Pelanggan. Promosi ini hanya terpakai untuk Pembayaran DuitNow QR.

“**Akses Pantas**” merujuk kepada ciri pada aplikasi mudah alih AmOnline yang membolehkan anda memanfaatkan ciri biometrik yang terdapat pada telefon pintar anda atau PIN AmOnline 6 angka yang selamat untuk mengakses ringkasan maklumat akaun anda dengan cepat.

Terma dan Syarat DuitNow QR melalui AmOnline

“**Penerima**” merujuk kepada Pelanggan dan/atau Benefisiari yang menerima urus niaga DuitNow QR.

“**Pihak Ketiga**” merujuk kepada bank lain yang bukan sebahagian daripada dan/atau berkaitan dengan Bank dan/atau pembekal perkhidmatan rangkaian dan/atau pengedali telekomunikasi.

3. KELAYAKAN

DuitNow QR ditawarkan kepada Pelanggan, Saudagar dan Benefisiari yang merupakan pengguna aplikasi mudah alih AmOnline.

4. PERKHIDMATAN QRPAY DUITNOW

- 4.1 Pelanggan hendaklah memuat turun dan memasang aplikasi mudah alih AmOnline untuk menyediakan dan mula menggunakan DuitNow QR. Pelanggan diminta untuk memilih akaun yang akan digunakan oleh Bank untuk pemotongan dana bagi Pembayaran DuitNow QR.
- 4.2 Pelanggan harus mematuhi semua langkah keselamatan yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow QR yang termasuk tetapi tidak terhad kepada keselamatan Kata Laluan dan pencegahan Peranti Mudah Alih Pelanggan daripada jatuh ke tangan yang salah.
- 4.3 Pelanggan mesti tekun dan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang wajar untuk mengelakkan penggunaan DuitNow QR pelanggan dan Peranti Mudah Alih mereka yang tidak dibenarkan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, langkah-langkah berikut:
 - a) PASANGKAN kunci pada Peranti Mudah Alih Pelanggan;
 - b) SENTIASA berhati-hati semasa memasukkan Kod Akses;
 - c) PASTIKAN sentiasa berhati-hati dalam penggunaan Kod Akses untuk mengelakkan daripada kemungkinan kerugian yang disebabkan oleh transaksi DuitNow QR yang tidak dibenarkan oleh Pihak Ketiga;
 - d) PERIKSA maklumat dan transaksi Akaun secara berkala untuk memastikan ketepatan;
 - e) LAPORKAN apa-apa perbezaan dalam perincian Akaun dengan segera;
 - f) LOG KELUAR daripada AmOnline dengan betul selepas digunakan;
 - g) PASTIKAN profil yang betul digunakan semasa menggunakan DuitNow QR melalui AmOnline;
 - h) JANGAN, dalam apa jua keadaan, berkongsi atau mendedahkan kata laluan AmOnline atau kata laluan lain kepada orang lain termasuk kakitangan Bank;
 - i) JANGAN simpan apa-apa catatan bertulis kata laluan AmOnline, di atau berhampiran Peranti Mudah Alih Pelanggan;
 - j) JANGAN gunakan maklumat peribadi seperti tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon bimbit sebagai Kod Akses; dan

Terma dan Syarat DuitNow QR melalui AmOnline

- k) JANGAN tinggalkan Peranti Mudah Alih tanpa pengawasan;
- 4.4 Sekiranya Kata Laluan telah didedahkan atau disyaki telah didedahkan kepada orang lain atau jika telefon bimbit hilang atau dicuri, Pelanggan mesti memberitahu Bank mengenai kejadian tersebut dengan segera untuk membolehkan penyahaktifan DuitNow QR. Dengan penyahaktifan DuitNow QR, akses Pelanggan ke aplikasi mudah alih AmOnline Bank juga akan dinyahaktifkan.
- 4.5 Pelanggan hanya akan menggunakan DuitNow QR jika terdapat dana yang mencukupi dalam akaun Pelanggan. Baki Akaun juga mesti tidak termasuk cek yang tidak dilunaskan atau kiriman wang yang masih belum diterima, jika ada. Bank berhak untuk menolak setiap arahan pembayaran tanpa menanggung liabiliti, termasuk tetapi tidak terhad kepada, salah satu keadaan berikut:
- a) Dana dalam Akaun yang dipilih oleh Pelanggan tidak mencukupi bagi menjalankan, melaksanakan atau memproses arahan untuk pembayaran tersebut;
 - b) Pelanggan telah melebihi had pemindahan harian;
 - c) Akaun Pelanggan dibekukan atau ditutup; atau
 - d) Bank peka atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa apa-apa penipuan, tindakan jenayah, kesalahan atau apa-apa pelanggaran undang-undang atau peraturan yang telah atau akan dilakukan.
- 4.6 DuitNow QR:
- a) hanya dapat digunakan oleh Pelanggan pada Saudagar yang mengambil bahagian yang memaparkan logo penerimaan DuitNow QR dan melainkan jika dinyatakan sebaliknya oleh Pelanggan melalui AmOnline, tetapan had transaksi harian Pelanggan dihadkan pada Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000); dan
 - b) had urus niaga harian boleh diubah pada bila-bila masa oleh Pelanggan melalui AmOnline atau apa-apa cara atau platform lain seperti yang disediakan oleh Bank pada masa akan datang, tertakluk kepada had transaksi terkumpul tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) sehari.
- Bank boleh, dari semasa ke semasa, mengubah had maksima dan minima DuitNow QR dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh perubahan atau pindaan tersebut dilaksanakan melalui laman web Bank di www.ambank.com.my dan Pelanggan akan terikat dengan had yang dikenakan.
- 4.7 Had tetapan untuk setiap transaksi adalah ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) di mana urus niaga:
- a) di bawah Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) tidak memerlukan kebenaran melalui Kata Laluan dan akan disahkan melalui Akses Pantas yang memerlukan Pengesahan Biometrik Pelanggan; dan
 - b) melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) memerlukan kedua-dua Kata Laluan dan Pengesahan Biometrik Pelanggan untuk membenarkan pembayaran.

Pelanggan boleh mengubah had tetapan setiap urus niaga kepada had yang lebih

Terma dan Syarat DuitNow QR melalui AmOnline

rendah melalui AmOnline.

- 4.8 Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa jumlah yang betul dan maklumat Saudagar atau Benefisiari yang tepat ditunjukkan sebelum mengesahkan apa-apa Pembayaran DuitNow QR. Jumlah yang dimasukkan oleh Pelanggan dan/atau maklumat yang dikirimkan melalui Kod QR akan dianggap oleh Bank sebagai betul setelah pengesahan Pelanggan atas apa-apa pembayaran. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk mengesahkan bahawa jumlah yang dibayar sepadan dengan jumlah Saudagar.
- 4.9 Dengan menggunakan perkhidmatan DuitNow QR, Pelanggan akan dianggap memberikan kuasa kepada Bank untuk melaksanakan, melakukan atau memproses pembayaran ke akaun Saudagar atau Benefisiari yang terbenam dalam Kod QR dan Bank akan menerima dan bertindak atas setiap arahan yang dikeluarkan dan/atau dihantar melalui DuitNow QR sebagai arahan sah dan dibenarkan daripada Pelanggan. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk mengesahkan kesahihan atau kewibawaan mana-mana individu yang melaksanakan arahan atau ketepatan dan kelengkapan arahan tersebut. Arahan tersebut akan dianggap sah dan mengikat oleh Bank walaupun terdapat apa-apa kesalahan, penipuan, pemalsuan, kurang kejelasan atau salah faham dalam pengeluaran arahan tersebut oleh Pelanggan.

5 PENGENDALIAN PERTIKAIAN

- 5.1 Sekiranya terdapat pertikaian yang termasuk tetapi tidak terhad pada pertikaian mengenai jumlah yang dibayar kerana kesalahan atau kesilapan oleh Saudagar atau Benefisiari atau Juruwang atau Saudagar, pertikaian tersebut akan diselesaikan antara Pelanggan dan Saudagar atau Benefisiari atau Juruwang. Bank tidak akan mengambil bahagian dalam pertikaian tersebut dan tidak mempunyai kewajipan untuk membatalkan dan/atau membalikkan bayaran DuitNow QR yang berjaya.
- 5.2 Bank tidak akan bertanggungjawab atas pertikaian yang timbul tetapi tidak terhad kepada perkara yang berikut:
 - a) Pelanggan tidak menerima barangan atau perkhidmatan daripada Saudagar dan/atau Juruwang;
 - b) Saudagar atau Benefisiari dan/atau Juruwang tidak dapat dihubungi;
 - c) apa-apa maklumat salah yang dikeluarkan atau komunikasi salah yang disebabkan oleh mana-mana Saudagar atau Penerima dan/atau Juruwang; atau
 - d) apa-apa pembayaran yang salah atau menipu atau tidak sah.
- 5.3 Sekiranya wang didebitkan daripada akaun Pelanggan melalui bayaran DuitNow QR tetapi tidak diterima oleh Saudagar, Pelanggan diminta untuk segera memberitahu Bank dan Bank akan menyiasat dan menentukan dalam empat belas (14) hari kalendar, jika pertikaian pembayaran sememangnya berlaku.
- 5.4 Dengan syarat bayaran yang dipertikaikan tersebut sebenarnya telah dikreditkan secara salah ke dalam akaun Saudagar, Bank akan bekerjasama dengan bank penerima Saudagar untuk mengembalikan dana tersebut kepada Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) Hari Bekerja daripada tarikh Pelanggan diberitahu tentang hasil penyiasatan.
- 5.5 Sekiranya bayaran yang dipertikaikan tersebut telah salah dikreditkan dan;

Terma dan Syarat DuitNow QR melalui AmOnline

- a) baki dalam akaun Saudagar cukup untuk menebus bayaran yang dipertikaikan, bank Saudagar boleh sepenuhnya membayar balik bayaran yang dipertikaikan itu kepada Pelanggan; namun,
- 5.6 Sekiranya baki dalam akaun Saudagar tidak cukup untuk menebus bayaran yang dipertikaikan secara penuh, bank Saudagar boleh membayar balik separa pembayaran yang dipertikaikan itu kepada Pelanggan. Liabiliti bagi urus niaga yang tidak dibenarkan adalah:
- a) Pelanggan akan bertanggungjawab untuk semua transaksi DuitNow QR yang dilakukan melalui Peranti Mudah Alih Pelanggan dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa transaksi tersebut.
 - b) Pelanggan akan bertanggungjawab atas urus niaga yang tidak sah sekiranya Pelanggan telah:
 - i. bertindak menipu;
 - ii. menanggah memberitahu Bank dengan segera setelah mengetahui kehilangan atau kecurian Peranti Mudah Alih mereka dan/atau penggunaan DuitNow QR mereka yang tidak sah; atau
 - iii. gagal melindungi keselamatan Kata Laluan dan Peranti Mudah Alih mereka termasuk, tetapi tidak terhad kepada, secara sukarela mendedahkan Kata Laluan mereka kepada orang lain atau membenarkan orang lain menggunakan Peranti Mudah Alih mereka.

6 UMUM

- 6.1 Bank berhak untuk mengubah, meminda, mempelbagaikan, menggantung, menyemak atau mengubahsuai terma dan syarat ini dan caj untuk penggunaan perkhidmatan DuitNow QR pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh perubahan, pindaan, variasi, penggantungan atau pengubahsuaian yang dilaksanakan melalui laman web Bank di www.ambank.com.my.
- 6.2 Bank boleh menghentikan penggunaan perkhidmatan DuitNow QR oleh Pelanggan dengan Bank dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.
- 6.3 Pelanggan memahami dan menyetujui bahawa pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat perhubungan), oleh Bank kepada anggota gabungannya, pembekal perkhidmatannya dan Pengedali NAD jika perlu dan dianggap perlu untuk tujuan melaksanakan dan memberikan perkhidmatan DuitNow QR.
- Untuk memahami notis privasi Ambank, sila rujuk <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/privacy-policy/PrivacyNoticeEng2016.pdf>
- 6.4 Kecuali dinyatakan sebaliknya secara nyata, terma dan syarat di sini, termasuk apa-apa pindaan, mengatasiperuntukan dan/atau pernyataan lain yang terkandung dalam pemberitahuan/promosi/bahan iklan lain untuk perkhidmatan DuitNow QR.

Terma dan Syarat DuitNow QR melalui AmOnline

- 6.5 Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan kelayakan perkhidmatan adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan dan mana-mana pihak berkaitan di sini.
- 6.6 Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami, termasuk tanpa batasan kehilangan pendapatan atau keuntungan atau apa-apa kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan DuitNow QR dan kecuali jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian, keingkaran sengaja atau penipuan daripada pihak Bank.
- 6.7 Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kegagalan, kelewatan atau keingkaran berkenaan dengan pelaksanaan kewajipan di bawah terma dan syarat ini yang timbul atau disebabkan oleh kuasa di luar kawalan wajar Bank, termasuk tanpa had kepada mana-mana bencana alam, tindakan perang, rusuhan, penghentian kerja, kemalangan, sekatan masuk, tindakan industri atau bencana alam semula jadi.
- 6.8 Semua persoalan mengenai pembinaan, kesahihan, penguatkuasaan dan pentafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan ditadbir, ditafsir dan dikuatkuas selarasa dengan undang-undang Malaysia. Semua pihak dengan ini berserah kepada bidangkuasa mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 6.9 Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam pentafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan dianggap setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa makna yang sama.
- 6.10 Untuk apa-apa bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan terma dan syarat ini, Pelanggan boleh menghubungi Pusat Perhubungan Bank di 03-2178 8888 pada waktu operasi atau menghantar pertanyaan/maklum balas melalui e-mel ke customercare@ambankgroup.com